



PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19 *COVID-19 IMMUNISATION TASK FORCE (CITF)*

SENARAI BAHARU INISIATIF VAKSINASI SECARA *WALK-IN* DI LEMBAH KLANG UNTUK WARGANEGARA MALAYSIA

Berikutan jumlah kehadiran yang rendah untuk mendapatkan suntikan vaksinasi secara *walk-in* di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sekitar Lembah Klang, adalah diumumkan bahawa pendekatan *quick-win* yang diambil bagi mengoptimumkan sumber adalah dengan membenarkan *walk-in* di lima PPV yang terpilih sekitar Lembah Klang bermula 16 hingga 30 September 2021. Lima PPV yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Bangi
2. Multimedia University (MMU), Cyberjaya
3. Axiata Arena, Bukit Jalil
4. Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL British BMI), Gombak
5. Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam - HCO B

Pelajar Institut Pengajian Tinggi di sekitar Lembah Klang juga boleh mendapatkan suntikan vaksin di lima PPV sebagaimana dinyatakan di atas.

Had kepada hanya lima jumlah PPV ini adalah selari dengan strategi Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) untuk mengoptimumkan sumber bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Walau bagaimanapun, *walk-in* di negeri-negeri lain akan diteruskan dan orang ramai dinasihatkan untuk mengikuti pengumuman yang dibuat oleh Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing untuk maklumat terkini berhubung inisiatif *walk-in* di negeri masing-masing.

CITF akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi penglibatan ProtectHealth Corp Sdn Bhd untuk inisiatif *walk-in* ini. Perbincangan akan tertumpu kepada menyebarkan inisiatif *walk-in* bagi populasi dewasa warganegara Malaysia di klinik pengamal perubatan swasta am (General Practitioner Clinics) di Lembah Klang. ProtectHealth dijangka akan mula untuk menawarkan perkhidmatan klinik perubatan swasta yang terpilih untuk *walk-in* warganegara pada 1 Oktober 2021.

Untuk makluman, sehingga kini 15 September 2021, terdapat 13 PPV yang masih beroperasi di Lembah Klang. 38 PPV bukan kesihatan telah ditutup sehingga 14 September 2021 di Lembah Klang. Penutupan PPV ini adalah dibuat setelah CITF meneliti data kadar penduduk Lembah Klang yang masih belum divaksinasi dan kadar kehadiran yang rendah di PPV.

Sementara itu, khas untuk individu yang telah menerima dos pertama di PPV yang telah ditutup di Hulu Selangor dan Kuala Selangor, mereka boleh mendapatkan dos kedua secara *walk-in* di klinik seperti di bawah:

1. Hulu Selangor

Klinik SP Care Antara Gapi

No. 43 & 43A & 45 Jalan Gapimas 1
Laman Gapimas, 48200 Serendah
Selangor.

2. Kuala Selangor

Poliklinik Medi Ihsan

No 9-G, Jalan Gaya Merak 1
Taman Gaya Merak
45700 Bukit Rotan
Selangor.

Poliklinik Medi Ihsan

No 7-1 Jalan Makmur 1
Taman Makmur
45500 Tanjung Karang
Selangor.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi talian Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di 1800-888-828.

– TAMAT –

Dikeluarkan pada: 15 September 2021

#LindungDiriLindungSemua